



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (10 OKTOBER 2023) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bimbang akan peningkatan keganasan dan pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku dalam konflik antara Israel dan Palestin. Laporan yang menyatakan lebih daripada 687 warga Palestin, termasuk wanita dan kanak-kanak terbunuh, 900 kematian direkodkan di Israel dan lebih daripada 3,000 cedera dalam serangan tersebut juga amat membimbangkan.

SUHAKAM mengutuk keganasan yang mengakibatkan kehilangan nyawa, ketakutan dan putus asa di kalangan orang awam yang tidak bersalah di wilayah tersebut. Tindakan keganasan, pembunuhan, pemusnahan infrastruktur awam termasuk kemudahan kesihatan di Gaza, bangunan kediaman dan tempat ibadat adalah pelanggaran undang-undang yang serius dalam konflik bersenjata antarabangsa, yang termaktub dalam rangka kerja undang-undang antarabangsa. Orang awam perlu sentiasa dilindungi dan infrastruktur awam tidak sepatutnya menjadi sasaran. Kedua-dua pihak yang berkonflik bertanggungjawab untuk menghormati undang-undang kemanusiaan antarabangsa termasuk prinsip perbezaan, keadilan dan langkah pencegahan dalam operasi ketenteraan termasuk tanggungjawab untuk meminimumkan kerosakan dan kecederaan.

Melihat kepada keperluan kritikal untuk bantuan kemanusiaan mangsa yang terperangkap di Gaza, SUHAKAM menggesa masyarakat antarabangsa untuk menggerakkan bantuan kemanusiaan dengan segera dan pihak yang berkaitan perlu membenarkan penghantaran peralatan perubatan, makanan, bahan api, dan bekalan kemanusiaan lain kepada mereka yang memerlukan. SUHAKAM juga mendesak pihak yang mempunyai tebusan untuk mengawal keadaan yang boleh mendatangkan kemudarat akibat daripada kekurangan akses kepada air dan makanan. Dalam hal ini, SUHAKAM menyeru kepada masyarakat antarabangsa untuk segera meneliti dan menangani punca-punca konflik kemanusiaan ini ke arah mencapai keamanan yang berkekalan. Kami akan terus menyokong semua usaha untuk memastikan rakyat Palestin dapat hidup dengan aman dalam wilayah sempadan mereka yang diiktiraf antarabangsa, selaras dengan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengiktiraf negara Palestin.

SUHAKAM menegaskan kepentingan untuk melindungi dan memelihara maruah dan hak asasi manusia setiap individu, tanpa mengira bangsa, agama, atau kewarganegaraan meskipun dalam keadaan konflik. Tindakan pencerobohan ini merupakan pelanggaran terhadap Perkara 3 Perisyntiuran Hak Asasi Manusia Sejagat yang menjunjung penghormatan terhadap hak individu kepada kehidupan, kebebasan dan keselamatan diri. Hak untuk hidup adalah hak asasi manusia yang paling asas dan tidak boleh dicabuli, walaupun semasa berlakunya perang.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

10 Oktober 2023